

Remaja kena penjara selama diperkenan Agong

Suasana mahkamah sepi ketika hakim berdoa kepada roh pelajar

Oleh Farah Marshita Abdul Fatah, Nor Azizah Mokhtar, Safeek Affendy Razali dan Hazira Ahmad Zaidi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: "Saya mendoakan roh yang meninggal (dunia) dicucuri rahmat Allah SWT, menjadi ahli syurga, begitu juga ibu bapa mereka," kata Hakim Mahkamah Tinggi, Datuk Azman Abdullah, dalam nada sebak.

Ayat penyudah Azman itu membuat suasana dalam mahkamah sepi seketika selepas beliau menjatuhkan hukuman penjara selama diperkenankan Yang di-Pertuan Agong, ke atas remaja lelaki yang didapati bersalah membunuh 23 individu dalam kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, tiga tahun lalu.

Azman menjatuhkan hukuman itu terhadap remaja berusia 19 tahun yang dirujuk sebagai pe-

nama pertama, selepas mendapati pihak pembelaan gagal membuktikan keraguan munasabah terhadap kes pembelaan.

"Selepas mendengar keterangan semua pihak, mahkamah mendapati penama pertama (remaja itu) dengan sengaja melakukan khianat tersebut dengan niat membunuh," kata Azman.

Hakim itu berkata, oleh kerana remaja terbabit masih di bawah umur ketika melakukan pembunuhan itu, beliau mengguna pakai Seksyen 97(1) Akta Kanak-kanak 2001 dalam menjatuhkan hukuman itu.

"Terpulang kepada Yang di-Pertuan Agong untuk menyatakan syarat tahanan dari semasa ke semasa," katanya.

Sebaik mendengar keputusan mahkamah itu, remaja terbabit yang hadir memakai kemeja-T hitam putih dan berada di luar kandang tertuduh dilihat menangis dan menyeka air matanya.



Haijan pada sidang media di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

Azman dalam penghakimannya, berkata pihak pendakwaan berjaya membuktikan kesemua 23 pertuduhan tanpa sebarang keraguan munasabah dan mendapati penama pertama melakukan jenayah itu dengan niat membunuh.

Terdahulu, peguam bela, Mohd Haijan Omar, yang mewakili remaja lelaki yang kini berusia 19 tahun itu, berkata anak guamnya memohon maaf kepada semua pihak.

"Anak guam saya dengan merendah diri memohon maaf kepada orang yang terbabit atas kesukaran dan kesulitan yang dilalui sepanjang tempoh perbicaraan berlangsung sejak tiga tahun lalu," katanya ketika rayuan.

Beliau berkata, anak guamnya bertegas tidak melakukan kesalahan itu dan menafikan sekeras-kerasnya perbuatan terbabit.

Bagaimanapun, hakim berkata, adalah lebih baik bagi peguam bela itu menghujahkan perkara berkenaan di Mahkamah Rayuan, ketika proses rayuan didengar.

"Saya hanya menyatakan kehendak anak guam dan mendapat arahan memfailkan rayuan. Se-

perti mana kehendak dan keputusan mahkamah saya akur," kata peguam bela terbabit.

Haijan juga memaklumkan yang remaja itu kini mengikuti kelas dalam penjara dan akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atas inisiatif sendiri.

Pada 28 Januari lalu, Azman memerintahkan remaja itu, membela diri selepas mendapati pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie.

Mahkamah bagaimanapun melepas dan membebaskan seorang lagi individu yang berusia remaja itu, yang dituduh bersama-samanya tanpa dipanggil membela diri.

Pada awalnya, mereka dituduh secara bersama atas kesalahan membunuh, namun pertuduhan itu dipinda susulan keputusan pada akhir kes pendakwaan.

Mengikut pertuduhan yang dipinda, remaja itu bersama seseorang yang tidak dicamkan, dituduh membunuh dan menyebabkan kematian 23 penghuni pusat tahfiz beralamat di Jalan Keramat Hujung, Kampung Datuk Kera-

mat, Wangsa Maju, di sini, antara jam 4.15 pagi dan 6.45 pagi, 14 September 2017.

Dia didakwa dengan 23 pertuduhan mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 34 kanun sama yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Bagaimanapun, Seksyen 97(1) Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan pesalah di bawah umur 18 tahun tidak boleh dikenakan hukuman mati dan boleh diganti dengan hukuman penjara selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong seperti yang diperuntukkan Seksyen 97(2) akta sama.

Seksyen 94 akta sama memberi kuasa kepada mahkamah untuk memerintahkan ibu bapa atau penjaga dikenakan denda atau pampasan.

Seramai 71 saksi pendakwaan yang dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, Julia Omar, dipanggil memberi keterangan sepanjang perbicaraan bermula sejak 30 Mei 2018.

Pihak pembelaan mengakhiri kes mereka pada 19 Jun lalu, selepas memanggil enam saksi